

# Mutiara di Borneo pangkalan British kuasai maritim, ekonomi dan politik

UB 17.7.2019 B2

Oleh HENRY BATING

**KEDUDUKAN** strategik geografi Labuan untuk mengeksploitasi ekonomi daratan dan perdagangan antara pulau telah mendorong British menjadikan pulau seluas 92km itu sebagai tanah jajahan pada tahun 1846.

Pensyarah kanan Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan Universiti Malaysia Sabah (UMS) Dr Mosli Tasrat berkata jaringan maritim amat penting kepada British untuk menguasai perdagangan,



**DARI kiri: Mosli, Nazli, Amir, Ahmad Saifuddin dan Baszley.**

pelabuhan dan perkapalan dalam gugusan daratan Brunei, Borneo Utara dan

Sarawak. Penguasaan maritim sangat penting kepada

British untuk mencipta keuntungan, katanya ketika menyampaikan wacana ilmu bertajuk Pulau Labuan Sebagai Jaringan Maritim Dalam Sejarah British Borneo 1846-1923 dalam Sesi Bicara @Muzium di sini pada Sabtu.

Sementara perkembangan sistem pengangkutan di Labuan menjelang Perang Dunia Kedua telah menjadi faktor mengapa British sebagai pangkalan tentera darat, laut dan udara.

“Labuan memiliki rangkaian jalan raya, perkhidmatan kereta api, lapangan terbang dan pelabuhan yang baik untuk British mewujudkan pangkalan mengusir Jepun dan memenangi semula Teluk Brunei serta pantai barat Borneo Utara,” kata

Baszley Bee Basrah Bee.


Baszley yang menyampaikan wacana kedua bertajuk Sejarah Pengangkutan di Labuan merupakan pensyarah di Unit Penyelidikan Arkeologi Borneo UMS.

Program Bicara @Muzium yang dihadiri kira-kira 250 penduduk Labuan pelbagai lapisan masyarakat telah diadakan di Dewan Darul Kifayah Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) Labuan.

Terdahulu, Pemangku Pengarah Muzium Labuan Muhammad Nazli Ho Abdullah berkata Labuan yang hanya berjarak 10 kilometer dari tanah besar Sabah merupakan sebuah pulau yang menyimpan kekayaan sejarah dan kebudayaan tersendiri.

Menurut beliau bermula dengan era naungan Brunei sejak kurun ke-16 sehingga diisytiharkan menjadi Wilayah Persekutuan kedua selepas Kuala Lumpur pada 1984, pelbagai rentetan sejarah telah mewarnai pulau itu serta menjadi elemen keunikan juga keistimewaannya sehingga diberi jolokan mutiara di Borneo.

“Kedudukan yang strategik untuk pelabuhan dan kekayaan sumber aslinya seperti arang batu



**NAZLI menyampaikan cenderamata kepada Baszley.**

menjadikan Labuan sebagai sebuah pangkalan koloni yang didambakan oleh kuasa-kuasa asing pada suatu ketika dahulu,” katanya.

Menurut Nazli program itu dianjurkan untuk memberi pendedahan kepada generasi baharu menghargai warisan sejarah dan budaya setempat demi mendokumentasikan maklumat serta fakta sejarah serta budaya masyarakat Labuan untuk dijadikan sumber rujukan pada masa akan datang.

Turut diadakan ialah

sesi soal jawab hadirin dengan penceramah khas dan persembahan khas kulintang oleh kumpulan pelajar SK Sungai Bedaun, Labuan.

Program itu dirasmikan oleh Pengerusi Perbadanan Labuan Dato’ Sri Haji Amir Haji Hussein.

Hadir sama, Pengurus MAIWP Labuan Ahmad Saifuddin Md Tahir, ketua-ketua jabatan, persatuan kebudayaan, pemandu pelancong, pelajar matrikulasi dan sekolah menengah.



**HADIRIN mengikuti program Bicara Muzium Labuan.**